



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 4 NOVEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	MAHA 2020 DITANGGUHKAN, MEMERANGI WABAK COVID-19, SINAR HARIAN -11 MAHA 2020 DITANGGUHKAN, ONLINE, HARIAN METRO INDUSTRIALISASI PERTANIAN JAMIN KESELAMATAN, BEKALAN MAKANAN, RENCANA, BERITA HARIAN -12	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
4. 5.	TANAM TIMUN GANTUNG FERTIGASI RAIH PENDAPATAN LUMAYAN, NEGARA, KOSMO -17 TERENGGANU PROSES PADI SENDIRI, NEGERI TERENGGANU, SINAR HARIAN -27	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
6. 7.	NAFAS DILANTIK PEMBORONG, PENGEDAR TUNGGAL BENIH PADI, NASIONAL, BERITA HARIAN -14 ELAK MANIPIULASI BENIH PADI SAH, DEWAN RAKYAT, HARIAN METRO -16	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
8. 9. 10. 11. 12.	PENGUSAHA ORKID RUGI KESAN COVID-19, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA - 30 HARGA DEDAK KAMBING DAH SAMA HARGA BERAS, BELANJAWAN 2021, SINAR HARIAN -7 SERBUK MADU KELULUT RAWATAN ANTIKULAT, NEGARA, KOSMO -16 KERAJAAN PERLU KAWAL ISU HARGA PERALATAN TANGKAP IKAN, NEGARA, KOSMO -6 UMT PERINTIS PADI AIR MASIN, LOKAL, HARIAN METRO -6	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2020	SINAR HARIAN	MEMERANGI WABAK COVID-19	11

MAHA 2020 ditangguhkan

PUTRAJAYA - Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Malaysia (MAHA 2020) yang dijadualkan berlangsung pada 26 sehingga 29 November ini ditangguhkan ke satu tarikh yang akan ditentukan.

Unit Komunikasi Korporat Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam satu kenyataan memaklumkan penangguhan itu berikutan situasi peningkatan kes positif koronavirus (Covid-19) yang membimbangkan ketika ini.

“Keputusan itu diambil sebagai pendekatan mitigasi kementerian dalam usaha memutuskan rangkaian jangkitan Covid-19 di negara ini selain menjamin kelangsungan keselamatan,

kesihatan awam dan kesejahteraan rakyat.

“Kementerian turut merakamkan penghargaan dan terima kasih atas komitmen dan kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang terlibat dalam persediaan penganjuran MAHA 2020,” katanya.

Pada 6 Ogos lalu, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, penganjuran MAHA tahun ini dijangka diadakan secara hybrid.

Katanya, Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan PKP bersetuju secara dasar dengan cadangan penganjuran MAHA 2020 yang akan diadakan secara fizikal dan maya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2020	HARIAN METRO	ONLINE	

MAHA 2020 DITANGGUHKAN



Kuala Lumpur: Mengambil kira situasi pandemik Covid-19 yang melanda negara ketika ini, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memutuskan untuk menangguhkan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Malaysia (MAHA 2020) yang dijadual berlangsung pada 26 hingga 29 November ini.

Menurut MAFI, penangguhan itu adalah pendekatan mitigasi kementerian dalam usaha memutuskan rantaian jangkitan pandemik Covid-19 selain menjamin kelangsungan keselamatan, kesihatan awam serta kesejahteraan masyarakat.

"MAFI mengambil perhatian akan situasi peningkatan kes positif Covid-19 yang membimbangkan ketika ini. Justeru, MAFI memutuskan MAHA 2020 ditangguhkan ke suatu tarikh yang akan ditentukan kelak," menurut MAFI dalam satu kenyataan hari ini.

MAFI merakamkan penghargaan di atas komitmen yang diberikan semua pihak terlibat dalam persediaan penganjuran pameran tahunan itu. Sehingga semalam, Kementerian Kesihatan melaporkan terdapat 834 kes baharu Covid-19, menjadikan jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 9,968 kes.

Pada 6 Ogos, Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan bahawa penganjuran MAHA 2020 dijangka diadakan secara hibrid iaitu fizikal dan maya dalam usaha mengekang penularan pandemik Covid-19.

Industrialisasi pertanian jamin keselamatan, bekalan makanan

Hasil kajian perbincangan kumpulan fokus untuk suku ketiga 2020 EMIR Research, menyoroti kerisauan mengenai keselamatan, jaminan dan kedaulatan makanan sebagai tema atau isu utama.

Isu dibangkitkan dua kumpulan peserta, iaitu petani dan pengguna, meraih perhatian umum akibat COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terutama pada fasa awal penularan wabak berkenaan.

Keselamatan makanan secara khusus berhubung isu penggunaan racun perosak sebagai bahan pencemar dengan sendirinya boleh menaikan risiko bahaya kesihatan, terutama jika jumlah penggunaannya tinggi.

Sebaliknya, jaminan atau sekuriti makanan adalah ketersediaan dan akses berterusan kepada rantaian bekalan makanan untuk semua masyarakat, tanpa mengira demografi (latar belakang sosioekonomi) atau geografi (wilayah).

Akhirnya, kedaulatan makanan bermaksud keupayaan dan kemampuan sebuah negara berdaya dengan tidak terlalu bergantung sumber luar atau import makanan.

Ke arah itu, industrialisasi pertanian menjadi kunci bagi menangani kelestarian dan masa depan industri makanan negara dari aspek keselamatan, jaminan dan kedaulatan.

Ia adalah integrasi pertanian dan industri dalam rantaian bekalan, selain tumpuan terhadap penerapan kaedah dan teknologi industri (termasuk digitalisasi) untuk meningkatkan hasil tanaman baik dari segi kuantiti mahupun kualiti (termasuk keselamatan) yang akhirnya menyediakan unsur ke arah kedaulatan makanan.

Industrialisasi pertanian diberikan penekanan di bawah beberapa Rancangan Malaysia sebelum ini.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) antara 2006 hingga 2010, penekanan menjurus kepada

'Pertanian Baharu' untuk menjana semula pertanian bagi memenuhi peranan sebagai enjin pertumbuhan ketiga iaitu mencapai tahap kedaulatan makanan sebaik mungkin, dinyatakan dalam bentuk imbalan pembayaran berlebihan (atau pengeksploitasi bersih).

RMK-9 juga mewujudkan lima projek berimpak tinggi, iaitu pengeluaran makanan tetap, zon industri akuakultur, pusat suapan ternakan nasional, pertanian kontrak dan pemupukan usahawan pertanian (agropreneur).

Melangkah ke Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) yang akan berakhir tahun ini, berkaitan tahap jaminan makanan, kita menduduki tempat kedua antara negara Asia Tenggara.

Berdasarkan kajian Economist Intelligence Unit, Malaysia berkedudukan 41 dari 113 negara dalam Indeks Jaminan Makanan Global. Malaysia berada di belakang Singapura dan mendahului Thailand serta Vietnam.

Serentak itu, momentum berterusan industrialisasi pertanian di bawah RMK-11 juga memperlihatkan keselamatan dan kualiti makanan diperhebatkan melalui pelaksanaan program jaminan kualiti untuk pertanian.

Program pensijilan seperti Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP), Skim Organik Malaysia (myOrganic), Skim Amalan Pengilangan Baik (GMP), Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP) serta pensijilan halal akan terus digalakkan dan dimantapkan untuk seluruh spek-

trum rantaian bekalan makanan.

Bagi mempertingkat dan menyebarkan luas industrialisasi pertanian supaya mencapai tujuan keselamatan, jaminan serta kedaulatan makanan, EMIR Research mengemukakan cadangan dasar seperti berikut:

Pertama, keyakinan makanan. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan bersama Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) harus meningkatkan usaha dengan memperkenalkan garis masa serta tarikh akhir untuk menghentikan penggunaan racun perosak (termasuk racun herba dan racun serangga) secara berfasa.

Dalam memastikan jaminan makanan, Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP) ke dalam semua koridor ekonomi wilayah perlu diterapkan.

Ia perlu digantikan dengan mekanisme semula jadi atau organik ataupun dikenali kawalan bio iaitu penggunaan agen biologi untuk pemusnahan perosak. Jadual waktu juga harus diselaras dengan penamatan subsidi untuk racun perosak.

Kedua-dua entiti ini sudah bersama menghasilkan parasitoid jenis tebuhan 'Diadegma' dan 'Cotesia' serta 'Tiger Fly' (sejenis lalat), untuk digunakan bagi membendung serangan kupu-kupu Plutella dan penambang daun (jarva pelbagai serangga termasuk lalat, sawung serta rama-rama).

Kempen bersepadu seluruh negara juga perlu untuk mempromosikan teknik kawalan bio dan mengabaikan penggunaan racun perosak membatalkan kementerian serta MARDI, selain pihak berkuasa pembangunan pertanian wilayah, persatuan petani dan badan bukan kerajaan (NGO) ha-

rus dipergiatkan.

Kedua, dalam memastikan jaminan makanan, Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP) ke dalam semua koridor ekonomi wilayah perlu diterapkan.

Ini juga akan mendorong integrasi keseluruhan rantaian bekalan makanan dan memudahkannya proses digitalisasi. Melaluinya, daya tahan rantaian bekalan makanan akan diperkuatkan dalam memastikan saluran dan jaringan pengedaran tidak terganggu, termasuk melalui e-dagang.

Setiap peringkat rantaian bekalan makanan harus menjalani sistem penjejakan dan pengesanan melalui penggunaan, misalnya, teknologi RFID (identifikasi frekuensi radio).

Harus juga ada penekanan kembali kepada pengkelompokan tanah pertanian seperti sawah padi yang distrukturkan semula ke dalam kluster estek kecil sebagai pusat pengeluaran mini berdaya, dengan pilihan dan kemampuan tidak perlu melalui saluran rantaian bekalan sedia ada seperti rakan strategik sekarang, umpamanya Padi Beras Nasional (BERNAS). Ini selaras liberalisasi pasaran beras selanjutnya.

Ketiga, berkaitan kedaulatan makanan, projek pemuliharaan tanah yang luas untuk tujuan pertanian harus dipertimbangkan dengan serius. Mungkin boleh diadakan usaha sama dalam bentuk perkongsian tiga pihak antara Kerajaan Persekutuan, perbadanan pembangunan negeri dan sektor swasta.

Projek ini akan meningkatkan jumlah Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) yang dirancang sebagai antara strategi di bawah Dasar Pertanian Nasional ke-3 (DPN3).

TKPM harus diperuntukkan sebagai analog dengan perdagangan bebas atau zon industri dengan insentif cukai dan penekanan baharu untuk mempromosikan pertanian digital.

Pada kemuncaknya, integrasi dan penyerapan industrialisasi bandar dan pertanian harus dilaksanakan sejajar konsep perancangan menyeluruh, yang mana pertanian sebahagian daripada aktiviti ekonomi serta kelestarian alam sekitar setiap projek pembangunan.

Ini termasuk pertanian bandar, kediaman, menegak, hidroponik dan aeroponik, seperti dimajukan kecerdasan buatan (AI), internet kebendaan (IoT), analisis ketepatan serta data raya sebagai pemacu.

Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang bakal dibentangkan di dalam usaha mempromosi industrialisasi pertanian dan membawa Malaysia ke tahap seterusnya dengan memastikan kelestarian keselamatan, jaminan dan kedaulatan makanan kita.



Jason Loh



Penulis adalah Ketua Bahagian Sosia, Perundangan dan Hak Asasi di EMIR Research

Tanam timun gantung fertigasi raih pendapatan lumayan

PONTIAN - Projek tanaman timun secara fertigasi gantung oleh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) telah mengeluarkan hasil sebanyak 46 tan semenjak dimulakan pada akhir tahun 2019 lalu.

Pengurus Besar PPK Benut, Abd. Jalil Elias berkata, projek melibatkan 3,000 poli beg dibangunkan dengan peruntukan daripada Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sebanyak RM102,000.

Katanya, penuaian timun telah memasuki fasa keempat dengan nilai jualan dianggarkan sebanyak RM50,000.

Jelasnya, pemasaran tanaman itu pula telah dibuat melalui Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP) sebelum diedarkan kepada pemborong.



SAMSOLBARI (lima dari kanan) menunjukkan buah timun yang dihasilkan dari projek korporat PPK Benut di Parit Haji Dahlan, Pontian semalam.

"Dengan permintaan yang baik daripada pemborong, PPK Benut tidak menghadapi masalah

"Penanaman timun dengan kaedah fertigasi cukup kerana dapat memanfaatkan ruang selain kawalan pembajaan yang lebih mudah," katanya.

Beliau sebelum itu ditemui ketika hadir dalam lawatan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar, Datuk Samsolbari Jamali, semalam.

Turut hadir ialah Pengarah LPP Negeri Johor, Datuk Sawaludin Ahmad, Pegawai Peladang Daerah Pontian/Kluang, Ahmad Rahim Senawi dan Pengerusi PPK Benut, Sarkawi Banjar.

Tambah Abd. Jalil, projek tanaman timun gantung merupakan projek korporat PPK selain tanaman cili fertigasi yang juga mempunyai permintaan

yang baik daripada pengguna tempatan ketika ini.

"PPK Benut mempunyai PPHP di Kampung Parit Tengah yang turut menjalankan pelbagai aktiviti jualan produk beku selain hasil-hasil pertanian yang lain, namun ruangnya terhad," katanya.

Sehubungan itu, pihak PPK Benut bercadang untuk memohon peruntukan daripada kerajaan negeri bagi membangunkan sebuah lagi PPHP kedua sebagai pusat pengumpulan lebih banyak hasil-hasil pertanian.

Sementara itu, Samsolbari Jamali berkata, Johor merupakan antara Food Bank terbesar di Malaysia walaupun dalam situasi pandemik Covid-19 dengan pelbagai hasil pertanian di eksport ke Singapura.

Terengganu proses padi sendiri

Empat kilang padi yang dibina cukup tampung pengeluaran beras negeri itu

DR FARAH SHAZWANI

MARANG

Masalah kesukaran untuk memproses padi dalam kalangan pesawah negeri ini sejak sekian lama akhirnya berjaya diatasi dengan pembukaan kilang padi milik Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Terengganu iaitu Konsortium Kilang Padi pada April lalu.

Exco Pertanian, Industri Makanan, Perla-



AZMAN

dangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Terengganu, Dr Azman Ibrahim berkata, kilang berteknologi moden di Baruh Masin, Jabi itu bernilai RM25 juta dan sudah beroperasi pada musim menuai April lalu.

Katanya, selain kilang berkenaan, Terengganu turut mempunyai tiga lagi



Azman (tiga dari kiri) ketika mengadakan lawatan ke Kilang Padi Bukit Kor Sdn Bhd di Marang, Terengganu semalam.

kilang memproses padi iaitu Kilang Bernas di Bukit Kenak, Jerreh; Kilang Mutiara Timur di Kerandang, Jabi dan Kilang Padi Bukit Kor Sdn Bhd di Marang.

“Dengan kapasiti empat buah kilang yang ada, ia mencukupi untuk me-

nampung pemrosesan pengeluaran beras Terengganu sekitar 60,000 metrik tan setahun. Pengeluaran beras sebanyak ini juga berjaya mencukupkan sekitar 53 peratus daripada SSL (kadar kecukupan sara diri) untuk keperluan 1.2 juta pendu-

duk Terengganu.

“Sebelum ini, sebahagian daripada padi-padi yang dikeluarkan dari kawasan sawah dan jelapang di Terengganu terpaksa dihantar ke Kedah sebab kita tidak cukup kilang. Bila Konsortium Kilang Padi beroperasi

dan adanya tiga kilang lain, satu daripada keperluan utama dalam rantaian beras di Terengganu berjaya kita cukupkan,” katanya ketika ditemui selepas mengadakan lawatan ke Kilang Padi Bukit Kor Sdn Bhd di sini semalam.

Sementara itu, dalam perkembangan berkaitan, Azman berkata, pihaknya meletakkan sasaran untuk mengeluarkan beras dengan jenama MyGAP Terengganu menjelang April tahun depan yang dijamin dari segi kualiti berdasarkan audit pensijilan yang ketat.

“Jawatankuasa khas untuk beras MyGAP Terengganu telah memutuskan Konsortium Kilang Padi di Baruh Masin, Jabi akan dijadikan kilang untuk memproses beras MyGAP,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	14

NAFAS dilantik pemborong, pengedar tunggal benih padi

Penstrukturan semula keseluruhan rantaian pengeluaran dan pengedaran benih padi di negara ini akan dibuat berteraskan lima inisiatif, berkuat kuasa mulai tahun depan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, ketika mengumumkan perkara itu berkata langkah pertama bakal menyaksikan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dilantik sebagai pemborong tunggal dalam program Insentif Benih Padi Sah (IBPS).

Selari pelantikan itu, beliau menjelaskan, NAFAS akan turut diberi amanah untuk mengendalikannya pengagihan benih padi sah memandangkan ia mempunyai kecekapan rantaian pengedaran menerusi 148 pertubuhan peladang kawasan (PPK) di Semenanjung.

"Pada masa sama, NAFAS akan memberi ruang kepada ejen, individu atau syarikat sedia ada yang berdaftar lesen dengan kementerian untuk mengedarkan benih padi sah.

"NAFAS juga mempunyai sumber kewangan kukuh, selain kemampuan dan pengalaman dalam pengedaran Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) di seluruh negara," katanya pada sesi pertanyaan bagi jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Mahdzir Khalid (BN-Padang Terap) mengenai pertimbangan kerajaan dalam melaksanakan penstrukturan semula rantaian pembekalan dan pengedaran benih padi, dengan melantik NAFAS sebagai ejen tunggal.

Menerusi pelantikan NAFAS sebagai ejen tunggal, Ronald berkata, penetapan harga siling benih padi berupaya dilakukan tanpa membabitkan tambahan peruntukan insentif daripada kerajaan.

"Ia juga akan mengelakkan manipulasi benih padi sah dan harga di lapangan menerusi pembelian tanpa kawalan oleh pelbagai pihak di pintu kilang.

"Selain itu, menerusi penstrukturan semula, lesen dan permit akan diberikan kepada ejen, individu atau syarikat yang berdaftar dengan kerajaan untuk mengedarkan benih padi sah.

"Penetapan beberapa jenis benih padi sah yang akan dihasilkan syarikat pengeluar benih padi sah juga akan dilakukan supaya pesawah boleh membuat pilihan sendiri.

"Yang terakhir, kita akan menyediakan bekalan penimbal benih padi sah bagi menangani isu krisis seumpama ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2020	HARIAN METRO	DEWAN RAKYAT	16

Elak manipulasi benih padi sah

Kuala Lumpur: Pelantikan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) sebagai ejen tunggal untuk mengedarkan benih padi membolehkan penetapan harga siling benih padi sah dilaksanakan tanpa membabitkan tambahan peruntukan insentif kepada kerajaan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, kaedah itu juga bagi mengelak manipulasi benih padi sah dan harga di lapangan menerusi pembelian tanpa kawalan oleh pelbagai pihak di pintu kilang.

“Selain itu, pelantikan Nafas sebagai pemborong tunggal dalam program Insentif Benih Padi Sah (IBPS) memastikan pembekalan dapat diedarkan terus kepada pesawah.

“Ia juga penyelesaian terbaik dan bersepadu memandangkan Nafas mempunyai kecekapan rangkaian di mana pengedaran benih padi sah di bawah pertu-



RONALD

buhan itu membabitkan 148 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dalam kawasan padi di Semenanjung Malaysia.

“Nafas juga akan memberi ruang kepada ejen, individu atau syarikat sedia ada yang berdaftar lesen dengan kementerian untuk mengedarkan benih padi sah,” katanya menjawab soalan lisan **Ahli Parlimen Padang Terap Datuk Seri Mahdzir Khalid** di Dewan Rakyat, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

Pengusaha orkid rugi kesian Covid-19

Oleh MUHAMMAD ZIKRI
utusannews@mediamulia.com.my


PONTIAN: Penutupan pintu sempadan Johor dan Singapura akibat penularan Covid-19 bukan sahaja memberi kesan kepada peniaga runcit, malah juga pengusaha bunga orkid apabila sama menerima tempias kerana tidak lagi menerima kehadiran pengunjung dari Seberang Tambak.

Pengusaha bunga orkid, Abdullah Mohamed, 71, berkata, tanpa kehadiran peminat orkid dari Singapura, pendapatan bulanan juga merosot dan kini hanya bergantung kepada pembeli tempatan sahaja.

Katanya, industri bunga orkid yang dimulakan pada 2013 dan mempunyai 300 hingga 400 jenis orkid dalam serta luar negeri sebelum ini meraih pendapatan kira-kira RM5,000 hingga RM6,000 sebulan, sebaliknya kini sekitar RM2,000.

"Dengan usia yang semakin lanjut, tiada pekerjaan lain yang boleh dilakukan namun demi tanggungjawab terhadap anak-anak yang masih menuntut, saya teruskan usaha ini walaupun dalam keadaan sukar ini.

"Itu sahaja saya mampu buat, asalkan dapat pendapatan bulanan," katanya kepada *Utusan*



ABDULLAH Mohamed menunjukkan bunga orkid yang terdapat ditapak jualannya di Kampung Pulau Sebatang, di Pontian di sini, baru-baru ini. - UTUSAN/MUHAMMAD ZIKRI

Malaysia di kebun orkidnya di Kampung Pulau Sebatang di sini, baru-baru ini.

Kata Abdullah, bagi memperluaskan pasaran bunga orkidnya

itu ke seluruh negara, dia turut 'turun padang' ke bandar utama seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Sabah untuk menjualnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2020	SINAR HARIAN	BELANJAWAN 2021	7

Harga dedak kambing dah sama harga beras

SHAH ALAM - Sektor penternakan di negara ini tidak terkecuali menerima tempias kesan buruk pandemik Covid-19 apabila terpaksa berdepan pelbagai masalah terutamanya kenaikan melampau kos makanan ternakan.

Menurut penternak kambing baka dari Teluk Panglima Garang, Zainal Mohd Jais, 57, isu kenaikan kos makanan ternakan atau dedak telah dihadapi para penternak sejak sebelum pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan lagi.

“Tahun ini sahaja sudah tiga kali pihak pengeluar dedak menaikkan harga dan dalam tempoh tidak sampai 10 tahun, harga dedak naik hampir 100 peratus,” kata Zainal kepada *Sinar Harian* baru-baru ini.

Tambah beliau, setakat ini tiada inisiatif segera diambil kerajaan bagi menstabilkan atau mengurangkan harga. Kesan daripada itu ramai penternak terpaksa menutup kandang berikutan tidak mampu menghadapi beban kenaikan kos yang tidak terkawal.

“Harga dedak kini menyamai harga beras, jadi bagaimana para penternak mahu menghasilkan baka

pada harga yang sama dan ini pastinya akan memberi kesan kepada pengguna akhir,” katanya yang memiliki lebih 100 ekor kambing pelbagai jenis antaranya kambing Champion (Jamlo) dan kambing susu (Saanen & Togernberg).

Tegas Zainal yang juga pengusaha susu kambing jenama Susu Panglima, sehingga kini masih tiada sokongan konkrit terhadap sektor penternakan sedangkan pada ketika ini 80 peratus bekalan daging diimport dari luar negara.

“Ini melibatkan isu keselamatan makanan (*food security*). Pada ketika Covid-19 melanda seluruh dunia, negara-negara pengeksport ini

pada bila-bila masa boleh menarik balik eksport.

“Apabila ini berlaku sampai bila negara mampu bertahan untuk memberi makanan kepada rakyat dengan kadar import daging dan beras yang tinggi,” katanya.

Ditanya harapan beliau sebagai penternak terhadap Belanjawan 2021, Zainal berkata, selain fokus utama terhadap isu kesihatan kerajaan juga perlu menumpukan kepada sektor penternakan dan sektor lain yang berkait rapat.



ZAINAL

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2020	KOSMO	NEGARA	16



BUAH betik disalut serbuk madu kelulut bagi rawatan anti kulat yang dihasilkan enam penyelidik UPM.

Serbuk madu kelulut rawatan antikulat

SERDANG - Sekumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menghasilkan produk bagi mengawal penyakit Antraknos iaitu kulat pasca tuai daripada madu kelulut.

Ketua kumpulan penyelidik berkenaan, Prof. Madya Ir. Dr. Norhashila Hashim berkata, madu kelulut itu diformulasikan dalam bentuk serbuk sebelum digunakan.

Katanya, 10 gram (g) madu kelulut akan menghasilkan 10g serbuk, yang boleh digunakan untuk menyalut 100 biji buah betik.

"Buah itu akan dicelup ke dalam larutan madu tersebut untuk disalut.

"Selain kawalan penyakit, ia memanjangkan tempoh kesegaran dan hayat betik antara 14 dan 21 hari dari hari tuaian, sekali gus memudahkan proses

eksport," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Penyelidikan bermula pada 2017 dan tamat pada tahun lalu itu turut disertai lima lagi ahli iaitu Dr. Bernard Maringgal, Dr. Intan Syafinaz Mohamed Amin Tawakkal, Dr. Muhammad Hazwan Hamzah, Prof. Dr. Mahmud Tengku Muda Mohamed dan Azri Shahir Rozman

Norhashila berkata, pihaknya menguji madu kelulut tempatan pada kepekatan berbeza dan mendapati ia mempunyai potensi merencat atau membantutkan pertumbuhan *miselium Colletotrichum sp.*

Jelasnya, *Colletotrichum sp.* adalah kulat yang boleh menyebabkan penyakit Antraknos yang merosakkan kualiti hasil pertanian seperti betik, mangga serta cili dan fungsinya sebagai penyalut hasil pertanian adalah lebih efisien.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/11/2020	KOSMO	NEGARA	6

Kerajaan perlu kawal isu harga peralatan tangkap ikan

BACHOK – Isu-harga peralatan dan kelengkapan nelayan seperti pukot, bubu dan ladung timah antara perkara yang perlu diberi penekanan oleh kerajaan bagi membantu nelayan di negara ini yang terjejas sejak pandemik Covid-19 melanda negara.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Bachok, Mohd. Saripudin Ishak berkata, seliaan harga itu amat diperlukan selepas mereka terpaksa membeli peralatan menangkap ikan pada harga yang tinggi sepanjang penularan wabak.

“Sebelum ini, kami banyak membeli kelengkapan daripada pembekal di negara jiran kerana harga murah berbanding tempatan.

“Sekarang, pergerakan keluar masuk sempadan sudah dikawal ketat.

“Jadi, kerajaan perlu membantu menyalurkan bantuan peralatan bagi meringankan bebanan nelayan yang kini berdepan dengan musim tengkujuh sekali gua menghalang mereka mencari rezeki di laut,” katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sini semalam.

Menurutnya, Elaun Sara



ISU harga kelengkapan menangkap ikan yang tinggi antara bebanan yang ditanggung nelayan sepanjang Covid-19. – GAMBAR HIASAN

Hidup Nelayan (ESHN) harus dikekalkan dan kajian pertambahan jumlahnya perlu dibuat agar sesuai dengan harga barangan selain kos sara hidup yang semakin meningkat.

Mengulas lanjut, menurut Mohd. Saripudin, dia juga berharap keperluan aset dan pembekalan kepada Maritim Malaysia (APMM) diberi fokus utama dalam Belanjawan 2021 supaya penguatkuasaan terhadap pencerobohan nelayan asing dapat dilaksanakan secara berkesan.

“Peruntukan yang disalurkan kerajaan nanti adalah sebahagian pembelaan kepada nelayan-nelayan kecil dan tradisional di negeri ini yang memerlukan zon memukat yang selamat dan banyak hasil tangkapan,” ujarnya.

Sementara itu, seorang nelayan sungai, Razali Sulaiman, 58, berkata, keperluan nelayan seperti sampan fiber amat diperlukan dan berharap kerajaan dapat menyalurkan bantuan pukot selain membina lebih banyak jeti untuk nelayan kecil.

UMT perintis padi air masin

Jalankan kajian penuhi keperluan Malaysia

Oksh Ahmed Rabul Zaikri
am@hmetro.com.my

Kuala Nerus

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bakal mencipta sejarah apabila menjadi perintis tanaman padi air masin pertama di negara ini.

Dekan Pusat Pendidikan Assas dan Lanjutan UMT Profesor Dr Aziz Ahmad berkata, pengeluaran padi bergantung kepada beberapa faktor utama seperti bekalan air tawar yang bersih.

"Bagi menghasilkan padi yang banyak bagi setiap rumpun, ia memerlukan air yang mencukupi. Tumbesaran padi merosot dan terhantui sekiranya bekalan air tidak mencukupi pada fasa penghasilan buah.

"Hanya 2.5 peratus air tawar bersih sahaja terdapat di dunia. Air tawar ini dipencilkan untuk kegunaan domestik seperti sektor pertanian, pemprosesan, pembersihan dan kegunaan harian populasi manusia yang meningkat saban tahun.

"Justeru UMT menjalankan kajian berkaitan kaedah penghasilan padi menggunakan air masin bagi memenuhi permintaan negara. Sekiranya kajian ini mem-

buahkan hasil, ia pencapaian baharu dalam penghasilan padi negara, sekali gus mengurangkan kebergantungan import padi negara," katanya.

Menurutnya, air masin yang memasuki sistem pengairan sawah padi akan merencatkan kesuburan tanaman padi.

"Kebanyakan sawah padi di negara ini berhampiran dengan laut oleh itu kekurangan air masin memaksa sistem pengairan sawah padi agak tinggi disebabkan faktor peningkatan paras air laut.

"Sekiranya ia berlaku, penghasilan padi negara akan berkurang secara mendadak pada masa akan datang.

"Oleh itu satu kajian berterusan perlu dilakukan dengan penglibatan semua pihak dan sehingga kini kajian menunjukkan beberapa faktor pengelutaran padi boleh dilakukan dan mem-

punyai potensi tinggi seperti kacukan atau hybrid, komposisi moden dan klasik, mutasi aruhan serta kejuruteraan genetik," katanya.

Menurutnya, populasi penduduk dunia dijangka meningkat kepada 9.8 bilion dan ia memerlukan permin-taan bekalan makanan yang tinggi sehingga kira-kira 70 peratus.

"Walaupun di Malaysia terdapat banyak sawah padi, kita masih perlu mengimport sebanyak 30 peratus bekalan beras untuk menampung keperluan tempatan.

"Pengelutaran padi perlu dipertingkatkan dan institusi pertanian berkaitan disarankan untuk terus berusaha mencari penyelesaian terbaik," katanya.



"Oleh itu satu kajian berterusan perlu dilakukan dengan penglibatan semua pihak"
Dr. Aziz



KEADAMAN sawah yang dimasuki air masin ketika fenomena air pasang besar